

Bukit Ekspo Kembali Meriah Dengan Pesta Konvo UPM



Datuk Seri Noh Omar (kiri) menerima hadiah penghargaan berbentuk bunga Orkid daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris.

SERDANG, 1 Sep – Bukit Ekspo Universiti Putra Malaysia (UPM) kembali meriah dengan Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen sempena Majlis Konvokesyen UPM ke 34 dari 8 hingga 13 Oktober setelah kali terakhir dibuat tiga tahun lalu.

Ekspo Pertanian UPM dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar pada 8 Oktober lalu dengan kementeriannya turut menyediakan s20 lot pameran dalam ekspo itu.

Pengarah Ekspo, Prof. Madya Dr. Mahmud Tengku Muda Mohamed "Lokasi Pesta Konvo di kawasan seluas 5 hektar itu amat popular setiap tahun sejak tahun 1977 hingga 2007 sebelum ditukar ke kawasan berhampiran Dewan Besar UPM.

"Sambutan daripada masyarakat amat menggalakkan kerana Pesta Konvo UPM berbeza dengan IPTA lain iaitu melibatkan jualan anak-anak benih pokok buah-buahan dan orkid hasil UPM dengan harga berpatutan selain pameran dan jualan ternakan," katanya.



Datuk Seri Noh Omar ketika merasmikan Pesta Konvokesyen ke 34 di Bukit Ekspo UPM.

Beliau berkata keunikan Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen ialah ia berteraskan pertanian seperti pameran dan jualan hasil pertanian serta produk hilirannya oleh UPM, agensi kerajaan dan swasta sebanyak 150 lot niaga/pameran.

Selain meraikan graduan dan keluarga mereka sempena Majlis Konvokesyen UPM ke 34, program itu bertujuan memperkenalkan UPM sebagai peneraju pertanian tropika melalui aktiviti pengajaran, penyelidikan, khidmat profesional yang berkaitan dengan pertanian.

Kemudahan bas disediakan untuk membawa orang ramai dari Panggung Percubaan (belakang Dewan Besar) UPM ke lokasi ekspos.

Antara aktiviti yang disediakan dari pukul 10 pagi hingga 10 malam setiap hari:

Pameran Ternakan

Lembu tenusu dan pedaging, kambing, rusa, bebiri, kuda, kerbau, ayam, ikan akuarium dan haiwan kesayangan

Pameran Fakulti dan Institut

Pameran dan aktiviti oleh setiap 15 fakulti dan 8 institut di UPM.

Pameran Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Pameran R&D yang bertemakan 'Pertanian Teknologi Hijau' yang telah memenangi anugerah kebangsaan dan antarabangsa serta produk yang telah dikomersialkan.

Pertandingan Hasil Inovasi Pertanian

Pertandingan terbuka kepada pelajar peringkat sekolah menengah di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putra Jaya, Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Klinik Pakar Pertanian

Orang ramai boleh mengemukakan masalah kepada pakar pertanian dan pakar veterinar UPM

Aktiviti Pelajar

Pertandingan memancing, pertandingan melukis, sukaneka kanak-kanak pra-sekolah, program menunggang kuda, forum perdana, jemputan artis luar, pertunjukan SUKSIS/PALAPES dan pertandingan terbuka 'Paintball'.

Pameran ternakan dan akuakultur bagi mengenali jenis baka

Gerai Jualan Pelajar

Jualan Hasil Pertanian dan Anak Benih Pokok

Taman Pertanian Universiti akan mengadakan aktiviti klinik pertanian antaranya bagaimana untuk membuat bonsai, terarium, 'dish garden' dan cantuman pokok.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM
(Khairul Anuar Muhamad Noh, foto oleh Ahmad Fua'ad Alwi)**